



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026

CADANGAN STRATEGIK KE ARAH KESEJAHTERAAN KOMUNITI PULAU-PULAU KECIL DI MALAYSIA



**Laporan Cadangan Dasar
Kawasan Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026**

**Cadangan Strategik ke Arah
Kesejahteraan Komuniti
Pulau-Pulau Kecil di Malaysia**

Jabatan Advokasi Dasar APPGM-SDG

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.



Penulis : Lydia Ann Bill
Editor : Dr. Teo Sue Ann

Senarai Kehadiran

AHLI PARLIMEN		
Bil.	Nama	Kawasan Parlimen
1	YB Senator Tuan Isaiah D.Jacob	Ahli Dewan Negara
2	YB Puan Young Syefura Othman	P089 Bentong
3	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Abas	P154 Mersing
4	YB Dr Hajah Halimah Ali	P109 Kapar
5	YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib	P213 Mukah
6	YB Tuan Rushdan Rusmi	P001 Padang Besar
7	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis @ Fakharudy	P169 Kota Belud
8	YB Tuan Mordi Bimol	P192 Mas Gading
9	YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawī	P019 Tumpat
10	YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	P023 Rantau Panjang
11	YB Tuan Roslan bin Hashim	P018 Kulim Bandar Baharu
12	YB Komander Nordin Ahmad Ismail TLDM	P074 Lumut
13	YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah	P082 Indera Mahkota
14	YB Datuk Jonathan Yasin	P179 Ranau

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
1	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
2	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
3	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
4	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)
5	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
6	Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah
7	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
8	Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah
9	Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat Negeri Sabah
10	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
11	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah
12	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah
13	Lembaga Pelancongan Sabah
14	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah
15	Jabatan Perikanan Sabah
16	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah
17	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
18	Kementerian Pembangunan, Perindustrian dan Keusahawanan
19	Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah

MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE DAN LAIN-LAIN	
Bil.	Nama
1	Universiti Malaya (UM)
2	Institute for Development Sabah (IDS)

Kolaborasi bersama:

Isi Kandungan

Ringkasan Eksekutif	I
Sorotan Cadangan	V
Infografik	VII
Pengenalan	1
Skop Kajian dan Metodologi	10
Lokasi pulau-pulau kecil yang pernah dijalankan penyelidikan di bawah inisiatif APPGM-SDG	12
Perkembangan Semasa dan Usaha Nasional	26
Cabaran Infrastruktur Ketersambungan Fizikal dan Kesalinghubungan Digital	31
Cabaran Kekurangan Sumber Ekonomi Alternatif	33
Kajian Kes: Memahami Cabaran dan Potensi Komuniti Pulau Kecil di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah	34
Latar Belakang Pulau Mantanani	35
Kekurangan Ketersambungan Fizikal dan Kesalinghubungan Digital	36
Peluang Ekonomi yang Terhad	41
Kesimpulan	44
Cadangan Laporan Dasar bagi Penambaaian Kesejahteraan Komuniti Pulau-Pulau Kecil di Malaysia	45
Cadangan 1: Pembangunan Ketersambungan Fizikal dan Kesalinghubungan Digital	45
Cadangan 2: Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti	48
Cadangan 3: Mewujudkan Platform Perbincangan Nasional Mengenai Keperluan Unik Pulau-Pulau Kecil	52

Kesimpulan dan Halatuju ke Hadapan	53
Bibliografi	54

Ringkasan Eksekutif

Kertas ini membincangkan langkah-langkah strategik untuk menjamin kesejahteraan hidup komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia. Kini, terdapat sebanyak 344 buah pulau yang berpenghuni di Malaysia. Namun demikian, kesejahteraan komuniti pulau masih kurang diberi penekanan dalam dasar nasional dan tidak dinyatakan secara khusus sebagai kumpulan sasaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Keadaan ini menyumbang kepada jurang pembangunan antara pulau dan tanah besar. Akibatnya, ramai penduduk pulau masih berdepan dengan pelbagai cabaran untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka. Berdasarkan hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG dari tahun 2020-2025 di kawasan parlimen dengan 21 pulau-pulau kecil dan kajian kemiskinan pelbagai dimensi kajian kes di Pulau Mantanani, jelaslah bahawa kemiskinan pelbagai dimensi wujud dalam antara penduduk pulau. Antara punca utama kepada keadaan kemiskinan mereka adalah kekurangan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital serta kurang kapasiti untuk sumber ekonomi alternatif. Justeru, dua cadangan telah diutamakan; (i) pembangunan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital; (ii) pelaksanaan model pelancongan berasaskan komuniti dan (iii) penubuhan platform perbincangan nasional mengenai komuniti pulau-pulau kecil. Oleh itu, komuniti pulau-pulau kecil wajar diberi keutamaan sebagai golongan sasaran dalam rancangan pembangunan negara bagi memastikan pembangunan yang lebih inklusif dan lestari. Dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak, pulau-pulau kecil

berpotensi menjadi model pembangunan mampan yang berteraskan keunikan komuniti dan pembangunan sosioekonomi setempat.

Sorotan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, pemetaan isu di kawasan pulau-pulau kecil, kajian kemiskinan pelbagai dimensi serta hasil perbincangan meja bulat bersama ahli parlimen dan pihak kementerian serta agensi kerajaan, laporan ini mengemukakan tiga halatuju strategik utama bagi memperkukuh kesejahteraan komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia.

1. **Pembangunan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital perlu diberi keutamaan sebagai prasyarat asas kepada pembangunan komuniti pulau.** Penambahbaikan jeti yang selamat dan berdaya tahan, penyediaan perkhidmatan bot awam yang konsisten serta mampu milik, dan peluasan skim subsidi minyak pengangkutan laut wajar dilaksanakan secara lebih menyeluruh, khususnya bagi pulau-pulau kecil yang dihuni komuniti.
2. **Pelaksanaan pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism, CBT*) perlu diperkasa sebagai strategi ekonomi alternatif yang mampan bagi mengurangkan kebergantungan komuniti pulau kepada sektor perikanan tradisional.** Penglibatan aktif komuniti tempatan dalam rantaian nilai pelancongan perlu diperkukuh melalui pembangunan modal insan, sokongan keusahawanan, pembiayaan bersasar serta

mekanisme tadbir urus yang memudah cara, termasuk dari segi status tanah dan pelesenan. Pendekatan ini bukan sahaja selari dengan Dasar Pelancongan Negara dan Dasar Ekopelancongan Negara 2020–2030, malah berpotensi memastikan manfaat ekonomi pelancongan diagihkan secara lebih inklusif.

3. **Penubuhan platform perbincangan nasional dicadangkan** sebagai mekanisme penyelarasan antara pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, kerajaan negeri dan wilayah, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan (*NGO*), sektor swasta dan wakil komuniti pulau. Platform ini berperanan sebagai ruang perbincangan bersepadu untuk menilai isu komuniti pulau kecil secara holistik, merangka dasar dan intervensi yang lebih tersusun, di samping memantau pelaksanaan inisiatif sedia ada. Melalui pendekatan ini, pembangunan dan peluang ekonomi di pulau-pulau kecil dapat dirancang secara lebih inklusif.

Ketiga-tiga cadangan ini menekankan keperluan kepada pendekatan pembangunan pulau-pulau kecil yang lebih bersepadu dan berasaskan konteks setempat. Dengan penyelarasan dasar yang lebih kukuh serta kerjasama merentas kementerian, agensi dan komuniti, pulau-pulau kecil berpotensi menjadi pemacu pembangunan sosioekonomi yang berdaya tahan.

Cadangan Strategik ke Arah Kesejahteraan Komuniti Pulau-Pulau Kecil di Malaysia



KONTEKS

Keterpencilan geografi pulau menjadikan **kos pembangunan lebih tinggi** dan menjejaskan peluang ekonomi



Pembangunan pulau-pulau kecil di Malaysia mempunyai **cabaran yang tersendiri**, berbeza daripada tanah besar



CABARAN UTAMA




Kekurangan infrastruktur mengehadkan akses kepada perkhidmatan asas dan peluang ekonomi



Ekonomi berskala kecil dan kekurangan sumber pendapatan alternatif



CADANGAN



Menambahbaikkan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital



Memperluaskan inisiatif Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)



Penubuhan platform perbincangan Nasional mengenai Pulau-pulau Kecil

Cadangan Strategik ke Arah Kesejahteraan Komuniti Pulau-Pulau Kecil di Malaysia

PENGENALAN

Dalam konteks pembangunan antarabangsa, konsep *small Island Developing States* (SIDS) mula diperkenalkan pada Persidangan *Earth Summit 1992*. Sebanyak 39 buah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah diklasifikasikan sebagai SIDS¹. Antara negara yang tergolong dalam kategori ini termasuk beberapa negara jiran Malaysia di rantau ASEAN, iaitu Singapura dan Timor-Leste.

Susulan pengiktirafan negara-negara pulau kecil tersebut, *Global Conference on the Sustainable Development of Small Island Developing States* telah dianjurkan di Barbados pada tahun 1994, dengan objektif utama untuk menangani serta memahami cabaran khusus dan unik yang dihadapi oleh negara-negara pulau kecil². Antara cabaran dan pengalaman bersama negara-negara pulau kecil ini adalah kedudukan geografi yang terpencil dan skala ekonomi yang terhad³. Keterpencilan yang dialami oleh negara-negara SIDS bukan sahaja berkaitan dengan saiz keluasan tanah yang kecil, malah melibatkan cabaran jarak fizikal serta tahap keterhubungan yang rendah, yang seterusnya menyumbang

¹United Nations, "About Small Island Developing States." <https://www.un.org/ohrlls/content/about-small-island-developing-states>

²United Nations, "About Small Island Developing States."

³United Nations Office for Project Services. "Infrastructure for Small Island Developing States: The role of infrastructure in enabling sustainable, resilient, and inclusive development in SIDS." (Copenhagen: UNOPS, 2020), 11.

kepada kos pengangkutan yang tinggi⁴. Rentetan itu, penduduk di negara-negara pulau kecil berdepan dengan keterbatasan akses pengangkutan serta pilihan mod pengangkutan yang terhad.

Pada masa yang sama, satu cabaran bersama dalam kalangan negara-negara pulau kecil adalah daya saing ekonomi yang rendah serta keupayaan pembangunan ekonomi berskala (*economies of scale*) yang terhad. Hal ini kerana lazimnya negara-negara pulau kecil mempunyai sumber yang terhad, saiz populasi yang kecil serta keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang rendah⁵. Sebagai contoh, negara-negara pulau kecil sering berkegantungan dengan kepakaran dan pelaburan asing, di mana kemudian limpahan ekonomi dan penyertaan komuniti tempatan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Selari dengan pengalaman global negara-negara SIDS, realiti yang hampir serupa turut dialami oleh komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia. Berdasarkan dapatan penyelidikan APPGM-SDG, dua cabaran utama yang seumpama telah dikenal pasti, iaitu kekangan infrastruktur ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital serta struktur ekonomi yang berskala kecil.

⁴World Bank. "Empowering Small Island Developing States: Scaling Up Renewable Energy for Resilient Economic Growth," 2024, <https://openknowledge.worldbank.org/server/api/core/bitstreams/fc62e00f-c490-4ffd-acc2-a9527b6c3d71/content>

⁵ Giampiccoli, et. al., "Sustainable tourism and community-based tourism in small islands: A policy analysis." In *Forum Geographic*, 20 (2021): 92, <http://doi.org/10.5775/fg.2021.057.i>

Setakat laporan ini disediakan, masih belum terdapat definisi yang seragam berkaitan pulau kecil. Namun demikian, pulau lazimnya ditakrifkan berdasarkan beberapa ciri utama, antaranya **saiz geografi, populasi dan aktiviti ekonomi**. Berikut adalah penjelasan terperinci tentang ciri-ciri tersebut:

- Geografi: Kawasan yang berkeluasan kurang daripada 10,000 km², terbentuk secara semula jadi dan kekal berada di atas permukaan air semasa air pasang⁶.
- Populasi dan petempatan: Berpenduduk kurang daripada 500,000 orang, dengan kadar urbanisasi yang rendah serta aktiviti ekonomi yang terhad⁷.
- Ekonomi: Kebanyakan komuniti di pulau kecil bergantung kepada sektor asas seperti perikanan dan pertanian sebagai sumber utama pendapatan, serta menghadapi cabaran kepelbagaian ekonomi kerana kebergantungan tinggi terhadap sumber semula jadi⁸.

Sehubungan itu, laporan cadangan dasar ini mengguna pakai definisi pulau kecil yang berasaskan tiga ciri utama sebagaimana yang telah dihuraikan.

Daripada cabaran-cabaran yang dikenal pasti tersebut, isu infrastruktur keterhubungan dan pengangkutan kerap

⁶ UNESCO "Living Heritage and Indigenous Peoples." <https://ich.unesco.org/en/indigenous-peoples>.

⁷Colado H, et. al., "Small Islands Conservation and Protected Areas." *Journal of Integrated Coastal Zone Management/Revista de Gestão Costeira Integrada* 14, no. (2014)

⁸ Colado H, et. al., "Small Islands Conservation and Protected Areas." (2014)

dibangkitkan dalam data penyelidikan yang diperoleh melalui pemetaan isu dan kajian kemiskinan pelbagai dimensi oleh APPGM-SDG. Dapatan menunjukkan bahawa tanpa infrastruktur asas yang memadai, akses kepada perkhidmatan asas menjadi terhad, manakala peluang untuk menjana pendapatan dan mengembangkan ekonomi tempatan turut terjejas⁹. Namun demikian, berdasarkan perspektif pihak kerajaan yang dikemukakan dalam sesi perbincangan meja bulat dasar anjuran APPGM-SDG pada Mac 2025, pelaburan pembangunan infrastruktur di pulau-pulau kecil melibatkan kos yang tinggi dan kurang mampan dari sudut perbelanjaan kerajaan. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh populasi pulau-pulau kecil yang semakin berkurangan. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pelucutan populasi di pulau-pulau kecil adalah penghijrahan penduduk ke kawasan tanah besar.

Meskipun demikian, kertas cadangan dasar ini menegaskan bahawa penyediaan kemudahan infrastruktur asas adalah penting bagi memastikan penduduk pulau-pulau kecil dapat mengakses perkhidmatan penting, termasuk pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan. Keperluan ini selari dengan prinsip hak asasi manusia sebagaimana yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration on Human Rights*, UDHR), yang menegaskan hak setiap individu untuk menikmati taraf hidup yang wajar dan bermaruah¹⁰. Seiring dengan itu,

⁹United Nations Office for Project Services. "Infrastructure for Small Island Developing States".¹¹

¹⁰United Nations, "Universal Declaration of Human Rights." <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights>

komuniti pulau-pulau kecil turut menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup secara berterusan.

Dalam konteks ini, pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism*, CBT) dilihat sebagai satu model pembangunan yang bersesuaian dan bermakna, memandangkan komuniti setempat terlibat secara langsung dalam pembangunan pulau masing-masing. Dalam jangka panjang, pendekatan CBT yang digerakkan bersama penduduk tempatan juga selari dengan usaha merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Sustainable Development Goals*)¹¹. Secara terperinci, hubungan antara penyediaan kemudahan infrastruktur dan pemerkasaan CBT bagi komuniti pulau-pulau kecil berkait rapat dengan pencapaian matlamat SDG berikut:

- **SDG 1: Tiada kemiskinan**

Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik sama ada lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro.

¹¹ Leonard A. Jackson, "Community-Based Tourism: A Catalyst for Achieving the United Nations Sustainable Development Goals One and Eight." *Tourism and Hospitality* 6, no.1 (2025)

Sasaran ini selari dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (2026 – 2030) (RMK-13) yang memberi penekanan kepada pengukuhan perlindungan sosial dan bantuan tunai yang berfokus. Antara inisiatif utama yang digariskan dalam RMK-13 adalah peningkatan akses isi rumah miskin dan terpinggir kepada sumber ekonomi dan perkhidmatan asas. Demi memastikan pelaksanaan inisiatif ini bersifat menyeluruh, komuniti pulau-pulau kecil perlu dirangkumi secara jelas sebagai kumpulan sasar dalam agenda pembangunan nasional. Oleh itu, inisiatif RMK-13 yang lain seperti penambahbaikan akses kepada perkhidmatan kewangan dan pembiayaan mikro untuk golongan miskin dan mikrousahawan, serta peningkatan akses isi rumah miskin kepada sumber semula jadi, aset produktif dan peluang menjana pendapatan wajar diberikan tumpuan yang lebih khusus kepada komuniti pulau-pulau kecil. Hal ini kerana cabaran unik komuniti pulau-pulau kecil masih belum dinyatakan secara khusus dalam kerangka pembangunan nasional.

- **SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan lestari, serta memastikan guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang bermaruah untuk semua**
Sasaran 8.9 -Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

Pencapaian sasaran SDG 1.4 yang dibincangkan sebelum ini berkait rapat dengan pencapaian Sasaran SDG 8.9, yang

menekankan kepentingan pembangunan pelancongan tempatan. Kebanyakan pulau-pulau kecil di Malaysia mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa. Namun, keunikan dan nilai ekonomi tempatan pulau-pulau ini masih belum diberikan perhatian yang sewajarnya. Walaupun terdapat pulau-pulau kecil yang telah dikenali sebagai destinasi pelancongan utama seperti Pulau Tioman¹², Pulau Redang¹³ dan Pulau Langkawi¹⁴, kajian mendapati bahawa sektor pelancongan tempatan masih kurang berdaya saing berbanding dengan sektor pelancongan swasta yang lazimnya dikuasai oleh pelabur luar negara.

Hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG serta kajian lanjutan (yang akan diperincikan dengan lebih lanjut dibawah) menunjukkan bahawa terdapat pulau-pulau kecil di Malaysia yang berpotensi untuk dibangunkan melalui sektor pelancongan berasaskan komuniti dengan aktif penglibatan pengusaha tempatan. Sebagai contoh, di Pulau Aman, pengusahaan *homestay* dan restoran yang menawarkan makanan tempatan telah berjaya menarik lebih ramai pelancong. Namun demikian, kebanyakan perniagaan ini terjejas akibat pandemik COVID-19 sehingga memaksa sebahagian pengusaha untuk menghentikan operasi perniagaan. Di Pulau Matanani pula, ramai pengusaha tempatan didapati tidak mampu bersaing dengan

¹² Ibrahim Yahya, 'Komuniti Pulau Tioman: Isu dan Cabaran.' 22-47, (2004).

¹³ Ibrahim Yahya, 'Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir?' 57-76, (2007).

¹⁴ Karim, et al. 'Impak Pembangunan Terhadap Masyarakat di Pantai Chenang, Pulau Langkawi.' *Sains Humanika*. 11. (2019).

pengusaha berskala besar dari China dan Korea Selatan, sekali gus menyebabkan penamatan operasi perniagaan mereka.

Sehubungan itu, bagi menyokong pencapaian matlamat dan sasaran SDG 9 serta RMK-13, APPGM-SDG berpandangan bahawa tumpuan yang lebih berfokus perlu diberikan kepada pembangunan ekonomi tempatan, khususnya di kawasan pulau-pulau kecil. Pendekatan ini berpotensi untuk memperkukuh daya tahan ekonomi komuniti setempat, di samping mengurangkan kebergantungan kepada pembangunan berskala besar yang melibatkan kos tinggi kepada kerajaan.

- **SDG 9: Membangunkan infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta merangsang inovasi**

Sasaran 9.1- Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

Infrastruktur asas yang berkualiti merupakan prasyarat utama kepada pembangunan yang mampan. Sehubungan itu, RMK-13 telah menggariskan keperluan untuk membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, bagi menyokong pembangunan serta kesejahteraan manusia, di

samping memastikan akses yang mampu milik dan saksama untuk semua. Namun demikian, hasil pemetaan isu dan kajian oleh APPGM-SDG mendapati bahawa masih terdapat kekurangan infrastruktur asas di pulau-pulau kecil, termasuk ketiadaan Klinik Kesihatan dan sekolah menengah tempatan – sedangkan RMK-13 menyasarkan pendidikan sekolah rendah dan menengah sebagai pendidikan wajib – serta rangkaian jalan yang baik. Sejajar dengan matlamat RMK-13 yang selari dengan SDG 9, pembangunan di pulau-pulau kecil tidak wajar terus dicicirkan.

- **SDG 17: Perkongsian demi matlamat**

Sasaran 17.17- Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian bersama.

RMK-13 secara jelas mencerminkan matlamat dan aspirasi kerajaan untuk membangunkan negara berasaskan kerangka Ekonomi MADANI yang inklusif, selaras dengan prinsip memastikan tiada pihak yang tercicir daripada arus pembangunan. Usaha kerajaan untuk mencapai matlamat ini, khususnya dalam konteks pembangunan pulau-pulau kecil, berpotensi dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui kerjasama pelbagai pihak, termasuk masyarakat civil (CSO) dan sektor swasta. Berdasarkan pengalaman APPGM-SDG semasa menjalankan kajian lapangan, didapati bahawa pelbagai inisiatif pembangunan sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan. Sehubungan itu, APPGM-SDG menyeru agar kerjasama antara pihak-pihak ini

dengan kerajaan dapat diperkukuh supaya isu-isu pembangunan di pulau-pulau kecil dapat dikenal pasti dan dipertengahan secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini penting bagi memastikan pulau-pulau kecil dapat dibangunkan secara inklusif dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Keseluruhannya, laporan dasar APPGM-SDG ini menegaskan bahawa cabaran pembangunan pulau-pulau kecil di Malaysia perlu difahami melalui kerangka SIDS yang mencerminkan kekangan dan kerentanan yang bersifat unik memandangkan cabarannya berbeza daripada kawasan tanah besar. Penyediaan infrastruktur asas turut mempunyai kaitan langsung dengan hak asasi manusia dan kesejahteraan hidup komuniti pulau. Dalam konteks ini, pelancongan berasaskan komuniti, CBT dilihat sebagai satu laluan pembangunan yang lebih inklusif dan mampan, selaras dengan Agenda Pembangunan Lestari 2030.

SKOP KAJIAN DAN METODOLOGI

Malaysia mempunyai sebanyak 879 buah pulau, dengan majoritinya terletak di Semenanjung Malaysia (418 pulau), diikuti oleh Sabah (319 pulau) dan Sarawak (67 pulau). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 535 pulau masih tidak berpenghuni manakala 344 pulau didiami penduduk¹⁵.


¹⁵Majlis Keselamatan Negara, "Pulau-Pulau Kedaulatan Negara." 2022. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/01/11/pulau-pulau-kedaulatan-malaysia/#:~:text=Menurut%20Jabatan%20Ukur%20dan,ridge%2C%20sands%2C%20atau%20batu.&text=Mendokong%20penuh%20aspirasi%20Dasar%20Keselamatan,sekitar%20perairan%20dan%20sempadan%20negara.>

Walaupun bagaimanapun, data rasmi yang memperincikan pecahan pulau-pulau berpenghuni mengikut wilayah - iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak - tidak tersedia secara dalam talian pada masa laporan ini disediakan. Keadaan ini mencerminkan kewujudan jurang maklumat yang ketara dalam pemetaan demografi pulau-pulau kecil, sekali gus menghadkan keupayaan perancangan dasar yang lebih bersasar.

Seterusnya, skop kajian ini turut mengambil kira isu berkaitan definisi pulau (seperti yang dinyatakan di atas). Dalam pada itu, bagi tujuan analisis dan pemahaman, laporan ini menggunakan data penyelidikan APPGM-SDG bagi tempoh 2020 hingga 2025, yang melibatkan kerja pemetaan isu di 10 kawasan Parlimen yang mempunyai pulau-pulau kecil, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1. Selain itu, laporan ini turut merangkumi perbincangan berkaitan kajian kes kemiskinan pelbagai dimensi di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah, bagi memberikan gambaran realiti kehidupan komuniti pulau.

Lokasi pulau-pulau kecil yang pernah dijalankan penyelidikan di bawah inisiatif APPGM-SDG

Rajah 1. Peta Semenanjung Malaysia



Sumber: Google Maps (Akses pada 7 Julai 2025)

Berdasarkan peta Semenanjung Malaysia, jelas bahawa pulau-pulau kecil yang pernah dilaksanakan gerak kerja oleh APPGM-SDG merangkumi konteks geografi yang berselerak, dengan tahap keterhubungan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, di Tumpat, Kuala Besar merupakan kawasan tanah besar yang paling hampir dengan Pulau Teluk Rejuna,

dengan tempoh perjalanan ke pulau mengambil masa kira-kira 10 minit menggunakan bot. Di kawasan Mersing, Johor pula, perjalanan dari tanah besar ke Pulau Tinggi mengambil masa sekitar 45 minit, manakala perjalanan ke Pulau Pemanggil boleh mencecah sehingga dua jam menggunakan bot¹⁶.

Perbezaan jarak dan tempoh perjalanan ini menggambarkan variasi tahap akses dan keterpencilan antara pulau-pulau kecil, yang secara langsung mempengaruhi tahap keterhubungan dan kesejahteraan komuniti setempat. Dalam kalangan pulau-pulau yang tersenarai dalam Peta Semenanjung Malaysia, terdapat dua pulau yang telah diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, iaitu Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor¹⁷. Sementara itu, Pulau Carey kini sedang dibangunkan sebagai kawasan pelabuhan ketiga di negeri Selangor,¹⁸ manakala Pulau Indah menempatkan kawasan taman perindustrian¹⁹.

Dalam pada itu, Pulau Aman, Pulau Ketam, Pulau Suri, Pulau Teluk Renjuna, Pulau Sibul, Pulau Pemanggil, Pulau Aur dan Pulau Tinggi terletak di kawasan luar bandar dengan

¹⁶ APPGM-SDG, "Issue Mapping Report Tumpat", 2021.


¹⁷ Wan Azrain, 'Rakyat Labuan berhak nikmati kesejahteraan hidup lebih selesa, serta pendapatan berrmaruah.' *Sabah Media*. 2024. <https://sabahmedia.com/2024/03/31/rakyat-labuan-berhak-nikmati-kesejahteraan-hidup-lebih-selesa-serta-pendapatan-berrmaruah/>

¹⁸ Utusan Malaysia, '1,699 hektar tanah Pulau Carey dikenal pasti bangun pelabuhan ketiga.' 2026. <https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/1699-hektar-tanah-pulau-carey-dikenal-pasti-bangun-pelabuhan-ketiga/>

¹⁹ SAM Planners, 'Pulau Indah Industrial Park.' <https://www.samplanners.my/pulau-indah-industrial-park/>

sosioekonomi yang berasaskan ekonomi primer, seperti sektor perikanan, pertanian dan pelancongan yang membangun.

Rajah 2. Peta Sabah



Sumber daripada Google Maps (Akses pada 10 Julai 2025)

Peta Sabah turut menunjukkan bahawa pulau-pulau kecil di wilayah ini mempunyai jarak yang berbeza-beza daripada tanah besar, sekali gus mencerminkan tahap keterpencilan konteks geografi yang berbeza. Sebagai contoh, perjalanan ke Pulau Labuan dari terminal feri mengambil masa kira-kira satu jam setengah. Sementara itu, perjalanan dari jeti ke

Pulau Mantanani²⁰, Pulau Banggi, Pulau Omdal dan Pulau Selakan masing-masing mengambil masa antara 45 minit hingga satu jam menggunakan bot. Selain itu, pulau-pulau seperti Pulau Berhala, Pulau Timbun Mata dan Pulau Pababag memerlukan tempoh perjalanan yang lebih singkat, iaitu sekitar 20 hingga 30 minit.

Perbezaan tempoh perjalanan ini juga menggambarkan variasi tahap akses keterhubungan fizikal yang memberi implikasi langsung terhadap mobiliti penduduk, kos pengangkutan serta penyampaian perkhidmatan asas di pulau-pulau kecil. Di samping itu, kebanyakan pulau-pulau yang ditunjukkan dalam Peta Sabah turut dikategorikan sebagai kawasan luar bandar, dengan struktur sosioekonomi yang tertumpu kepada sektor primer seperti perikanan, pertanian dan pelancongan yang sedang membangun. Namun demikian, Pulau Labuan menunjukkan tahap sosioekonomi yang lebih terancang dan membangun, khususnya selepas diisytiharkan sebagai wilayah di bawah Wilayah Persekutuan pada tahun 1984²¹ serta sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1956²².

Jadual 1 di bawah memaparkan kadar kemiskinan mengikut kawasan Parlimen dan profil demografi pulau-pulau yang terletak di bawah kawasan Parlimen tersebut. Untuk makluman, pulau-pulau yang ditandakan dengan simbol (*)

²⁰ APPGMSDG, 'Kajian Kemiskinan Pelbagai Dimensi di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah.' 2026

²¹ Malaysia Gazette, 'Labuan jadi tumpuan pelancong.' 2017

²² Wan Azrain, 'Rakyat Labuan berhak nikmati kesejahteraan hidup lebih selesa, serta pendapatan bermaruah.' 2024

merupakan data tambahan yang tidak termasuk dalam senarai rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Sehubungan itu, data tambahan bagi pulau-pulau berkenaan dirujuk daripada pelbagai sumber lain dan disertakan sebagai input sokongan dalam laporan ini. Walaupun kadar kemiskinan mengikut kawasan Parlimen yang dinyatakan dalam jadual tersebut tidak semestinya mencerminkan keadaan sebenar setiap pulau, ia masih dapat memberikan gambaran umum mengenai tahap kesejahteraan hidup komuniti pulau-pulau kecil.

Jadual 1. Kadar Kemiskinan Mengikut Kawasan Parlimen dan Profil Demografi Pulau-Pulau di Bawah Kawasan Parlimen Tersebut

NO.	KAWASAN PARLIMEN	KADAR INDEKS KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (%) ²³	NAMA-NAMA PULAU	JUMLAH POPULASI DI PULAU, P	SAIZ KAWASAN/ KM ²	KEPADATAN POPULASI P/KM ²
1	Batu Kawan	2.1	Pulau Aman* ²⁴	250	1.80	138.89
2	Sandakan	16.8	Pulau Berhala* ²⁵	3 400	2.542	1 337.53

²³ Department of Statistics Malaysia, "Laporan Survei Gaji dan Upah Malaysia", 2024

²⁴Nur Izzati, "Kampung Angkat MADANI JPA tingkat ekonomi Pulau Aman." *Berita Harian*. 10 Disember 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335019/kampung-angkat-madani-jpa-tingkat-ekonomi-pulau-aman>.

²⁵Avila Geraldine, "The island everyone forgot: Kg Pulau Berhala aches for development." *NST online*. 01 Mei 2019. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/05/484720/island-everyone-forgot-kg-pulau-berhala-aches-development>.

NO.	KAWASAN PARLIMEN	KADAR INDEKS KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (%) ²³	NAMA-NAMA PULAU	JUMLAH POPULASI DI PULAU, P	SAIZ KAWASAN/ KM ²	KEPADATAN POPULASI P/KM ²
3	Kudat	47.0	Pulau Banggi* ²⁶	30 000	440.7	68.07
4	Kuala Langat	2.6	Pulau Carey* ²⁷	1500	130.00	11.54
5	Mersing	12.1	Pulau Sibu	210	4.54	46.28
			Pulau Pemanggil	34	8.51	4.00
			Pulau Aur	102	15.73	6.48
			Pulau Tinggi	196	15.14	12.94

²⁶BERNAMA, "Pulau Banggi berpotensi jadi pengeluar pertanian, perikanan." *BERNAMA*. 22 Mac 2022. <https://www.sinarharian.com.my/article/19508/edisi/sabahsarawak/pulau-banggi-berpotensi-jadi-pengeluar-pertanian-perikanan>.

²⁷Abdul Razak, et. al., "Exploring the Subjective Financial Well-Being of Indigenous People Communities in Malaysia." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. (2025)

NO.	KAWASAN PARLIMEN	KADAR INDEKS KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (%) ²³	NAMA-NAMA PULAU	JUMLAH POPULASI DI PULAU, P	SAIZ KAWASAN/ KM ²	KEPADATAN POPULASI P/KM ²
6	Tumpat	12.5	Pulau Suri* ²⁸	435	10.90	39.91
			Pulau Teluk Renjuna	2 059	13.83	148.8
7	Langkawi	0.9	Pulau Langkawi	94 138	466.0	202.0
8	Kapar	2.8	Pulau Ketam* ²⁹	6000	22.92	261.78
9	Klang	1.4	Pulau Indah* ³⁰	20 000	70.00	285.74

²⁸Ab Latif, etl. al., "Revealing the Distinctiveness Character of Pulau Suri Floating Market." *Malaysian Journal of Sustainable Environment* 10. No 2. doi:10.24191/myse.v10i2.23612

²⁹Aingaran Raveen, "Pulau Ketam: Small in size, big in draw." *The Sun*. 13 Disember 2023. <https://thesun.my/malaysia-news/pulau-ketam-small-in-size-big-in-draw-EO11863124>.

³⁰(National Water Research Institute of Malaysia (NAHRIM)), "Impact of Sea Level Rise due to Climate Change."(2020).

NO.	KAWASAN PARLIMEN	KADAR INDEKS KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (%) ²³	NAMA-NAMA PULAU	JUMLAH POPULASI DI PULAU, P	SAIZ KAWASAN/ KM ²	KEPADATAN POPULASI P/KM ²
10	Kota Belud	34.1	Pulau Mantanani ^{*31}	1000	1.88	531.91
11	Labuan	3.1	Pulau Labuan	95 120	96.00	991.00
12	Semporna	31.5	Pulau Pababag ^{*32}	3 698	9.808	377.00
			Pulau Timbun Mata ^{*33}	12 636	129.30	97.73
			Pulau Selakan ^{*34}	348	0.32	1 087.50

³¹Getrude C Ah Gang, "The effect of general sense of perceived self-efficacy on internal and external locus of control among rural youths of Mantanani island." In *Mantanani Island*. (2019)

³²World Islands, "Pababag." 30 Disember 2023. https://world-islands.net/details/pababag/#google_vignette.

³³World Islands, "Pulau Timbun Mata." 30 Disember 2023. <https://world-islands.net/details/timbun-mata/>.

³⁴Bebit et. al., "Pencirian Earthenware Pulau Selakan Dalam Penghasilan Produk Lapohan." *Kupas Seni* 10 (2022). <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.sp.11.2022>.

NO.	KAWASAN PARLIMEN	KADAR INDEKS KEMISKINAN MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN (%) ²³	NAMA-NAMA PULAU	JUMLAH POPULASI DI PULAU, P	SAIZ KAWASAN/ KM ²	KEPADATAN POPULASI P/KM ²
			Pulau Omadal* ³⁵	1000	100.00	10.00
			Pulau Bum Bum* ³⁶	30 000	45.00	666.67
13	Lumut	4.7	Pulau Pangkor	9 581	26.24	365.00

Sumber untuk Kadar Indeks Kemiskinan Mengikut Kawasan Parlimen (%): Jabatan Perangkaan, MyCensus, 2020.

³⁵Kanyo et. al., "Cadangan pemerkasaan kemudahan jeti awam Pulau Gaya sebagai destinasi pelancongan pulau dalam bandar: Satu penemuan." *1st International Conference on Entrepreneurship, Business, Tourism and Hospitality (ICEBTH 2021)*, (2021).

³⁶Hidayath Hisam, "mySalam extends outreach to Pulau Bum Bum with health, welfare and literacy carnival." 2025. <https://themalaysianreserve.com/2025/07/04/mysalam-extends-outreach-to-pulau-bum-bum-with-health-welfare-and-literacy-carnival/>.

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 21 pulau kecil telah dikenal pasti dan dikaji di bawah inisiatif APPGM-SDG. Daripada jumlah tersebut, Pulau Langkawi, Pulau Labuan, Pulau Pangkor mencatatkan kadar kemiskinan yang rendah, masing-masing pada kadar 0.9%, 3.1%, dan 4.7%. Keadaan ini sebahagiannya dipengaruhi oleh dasar ekonomi yang menetapkan pulau-pulau berkenaan sebagai pulau bebas cukai, sekali gus menjadikan harga barangan dan perkhidmatan tempatan lebih berdaya saing.

Selain itu, Pulau Indah, Pulau Carey dan Pulau Ketam turut mencatatkan kadar kemiskinan yang rendah, masing-masing pada kadar 1.4%, 2.6%, dan 2.8%. Keadaan ini didorong oleh pendedahan pulau-pulau tersebut kepada aktiviti ekonomi yang berintensiti tinggi. Sebagai contoh, Pulau Indah dibangunkan sebagai kawasan taman perindustrian, Pulau Carey sedang dibangunkan sebagai Pelabuhan Ketiga Pelabuhan Klang, manakala Pulau Ketam pula terletak berhampiran Pelabuhan Klang.

Di samping itu, terdapat juga inisiatif kerajaan yang telah mendorong pembangunan pulau yang secara tidak langsung, sekali gus menyumbang kepada kadar kemiskinan yang lebih rendah. Antaranya ialah Pulau Aman, yang mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 2.1% dan telah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Melalui inisiatif ini, pelbagai usaha penyelenggaraan infrastruktur serta pembangunan sosial

telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk pulau tersebut³⁷.

Seterusnya, gugusan kepulauan di Mersing - Pulau Sibul, Pulau Pemanggil, Pulau Aur, dan Pulau Tinggi - mencatatkan kepadatan populasi yang paling rendah berbanding pulau-pulau kecil lain tersenarai dalam Jadual 1. Keadaan ini dipengaruhi oleh fenomena depopulasi yang berpunca daripada beberapa faktor, termasuk skim tanah rancangan FELDA yang menggalakkan penghijrahan penduduk ke tanah besar, ancaman berterusan daripada pencerobohan bot pukat tunda, penggazetan pulau sebagai kawasan Taman Laut, serta kecenderungan generasi muda untuk mencari peluang kerjaya dan pendidikan di tanah besar³⁸. Secara keseluruhannya, kadar kemiskinan di gugusan kepulauan Mersing dianggarkan dalam 12%.

Dengan kadar yang hampir sama, Pulau Suri dan Pulau Teluk Renjuna mengekalkan struktur ekonomi yang masih berasaskan perikanan tradisional. Di samping itu, komuniti Pulau Suri turut mengekalkan gaya hidup tradisional tempatan dan telah muncul sebagai lokasi pasar terapung pertama di Malaysia. Keadaan ini telah sedikit banyak

³⁷ BERNAMA, 'Pulau Aman Dijadikan Kampung Angkat MADANI JPA Dengan Peruntukan RM2.5 Juta.' 2024. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2294549>

³⁸ Mustafa et. al., 'Faktor Penentu dan Implikasi Fenomena Depopulasi Komuniti Pulau Kecil di Sekitar Mersing' *Journal of Tropical Marine Ecosystem*. 2011. <https://journalarticle.ukm.my/2543/1/3.pdf>

berfungsi sebagai pemacu ekonomi alternatif kepada komuniti pulau tersebut³⁹.

Dalam konteks yang berbeza, Pulau Berhala mencatatkan kepadatan penduduk yang paling tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, namun dengan kadar kemiskinan yang dianggarkan sebanyak 16.8%. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh kekangan infrastruktur asas di pulau tersebut. Sebagai contoh, walaupun kira-kira 60% penduduknya merupakan warganegara Malaysia, Pulau Berhala masih tidak mempunyai kemudahan sekolah⁴⁰.

Bagi memberikan gambaran jurang pembangunan antara pulau-pulau kecil, keluasan Pulau Langkawi (466.0km²) dan Pulau Banggi (440.7 km²) adalah hampir setara. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara dari segi kepadatan penduduk, iaitu seramai 94,138 orang di Pulau Langkawi berbanding sekitar 30,000 orang di Pulau Banggi. Perbezaan ini dipengaruhi oleh struktur ekonomi serta dasar pembangunan yang berbeza antara kedua-dua pulau tersebut. Sebagai contoh, limpahan ekonomi hasil pengisytiharan Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai pada 1 Januari 1987, telah merancakkan pembangunan industri pelancongan⁴¹.

³⁹ Ab Latif et. al., 'Revealing the Distinctiveness Character of Pulau Suri Floating Market.' 2023.

⁴⁰ Irwan, 'Syurga orang terpinggir di Pulau Berhala, Sandakan' *The Malaysian Insight*. 2019. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/g/155147>

⁴¹ Johan, Mohamad, "Pelancongan Langkawi 1987 - 2010: Pencapaian dan Cabaran Masa Depan." 2011.

Perkembangan sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan daerah, malah mempercepatkan pembangunan infrastruktur fizikal dan sistem perhubungan. Di samping itu, keadaan ini juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Secara tidak langsung, perkembangan tersebut telah mengurangkan keperluan migrasi penduduk pulau ke tanah besar⁴².

Sebaliknya, Pulau Banggi yang terletak di bawah Parlimen Kudat dan berkongsi kadar kemiskinan dengan kawasan Parlimen tersebut mencatatkan kadar kemiskinan tertinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, iaitu 47%, meskipun mempunyai keluasan pulau yang hampir setara dengan Pulau Langkawi. Keadaan di Pulau Banggi dipengaruhi oleh pelbagai kekangan struktur, termasuk keterbatasan infrastruktur asas seperti jaringan jalan raya, serta isu keselamatan yang secara langsung mengehadkan mobiliti penduduk, peluang ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti setempat⁴³.

Seterusnya, Pulau Mantanani dan gugusan kepulauan di Semporna - Pulau Pababag, Pulau Timbun Mata, Pulau Selakan, Pulau Omadal dan Pulau Bum Bum - turut mencatatkan antara kadar kemiskinan yang tinggi, masing-masing pada 34.1% dan 31.5%. Walaupun pulau-pulau ini

⁴² Johan et. al., 2011.

⁴³ Alloy, J.J, "Cabaran pembangunan Inap Desa di Pulau Banggi: Satu analisis observasi." *Quantum journal of social sciences and humanities*. 2024

sering dikaitkan dengan potensi pelancongan⁴⁴, aktiviti pelancongan yang dilaksanakan masih bersifat terhad dan belum berkembang secara menyeluruh. Sebagai contoh, berdasarkan dapatan kajian APPGMSDG, terdapat pelaburan dalam bentuk penginapan (*resort*) di Pulau Mantanani, namun penduduk tempatan dalam jawatan pengurusan adalah terhad. Keadaan ini secara tidak langsung membataskan peluang komuniti tempatan untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.

Oleh itu, berdasarkan data yang ditunjukkan dalam Jadual 1, jelas bahawa tanpa pembangunan struktur ekonomi yang kukuh serta penambahbaikan sistem pengangkutan dan kesalinghubungan, adalah sukar bagi penduduk pulau-pulau kecil untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, terdapat juga perhatian yang diberikan kepada komuniti ini melalui pelbagai inisiatif pembangunan. Sehubungan itu, seksyen seterusnya akan membincangkan perkembangan semasa serta usaha nasional yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan bagi menyokong pembangunan komuniti pulau-pulau kecil.

PERKEMBANGAN SEMASA DAN USAHA NASIONAL

Dalam perkembangan dasar nasional terkini, RMK-13 yang digariskan di bawah kerangka Kerajaan MADANI menegaskan komitmen kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, selaras dengan prinsip pembangunan mampan dan

⁴⁴ Sabah Tourism, 'Signature Destinations.'
<https://sabahtourism.com/places-to-go/>

aspirasi *“Leaving No One Behind”* sebagaimana yang termaktub dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Melalui teras “Meninggikan Lantai, Mengangkat Taraf Hidup Rakyat”, RMK-13 memberi penekanan kepada pemeraksanaan kumpulan sasaran tertentu, termasuk Orang Asli, Orang Asal Sabah dan Sarawak, serta komuniti etnik di Malaysia seperti masyarakat Cina dan India⁴⁵. Selain itu, perhatian khusus turut diberikan kepada kumpulan demografi tertentu seperti kanak-kanak, belia, lelaki, wanita, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU)⁴⁶.

Walaupun kerangka ini mengangkat pendekatan yang inklusif, namun komuniti pulau-pulau kecil tidak dinyatakan secara khusus sebagai kumpulan sasaran dalam perancangan pembangunan nasional. Keadaan ini turut dicerminkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), di mana komuniti pulau kecil masih kurang diberikan penekanan sebagai kumpulan sasar⁴⁷. Rentetan itu, ketiadaan sokongan dasar yang jelas terhadap komuniti pulau-pulau kecil telah mengehadkan keupayaan komuniti ini untuk menikmati manfaat pembangunan secara saksama, khususnya dalam aspek penyediaan infrastruktur, dan peluasan peluang ekonomi.

Pada masa yang sama, walaupun Rancangan Malaysia masih kekurangan dasar khusus bagi kumpulan rentan yang

⁴⁵ Kementerian Ekonomi, “Maklumat RMK13, 2025, <https://rmk13.ekonomi.gov.my>

⁴⁶ Kementerian Ekonomi, “Maklumat RMK13”, 2025

⁴⁷ Kementerian Ekonomi, “Maklumat RMK12”, 2020, <https://rmke12.ekonomi.gov.my/bm>

menetap di pulau-pulau kecil, namun dasar dan perancangan sedia ada di peringkat kementerian serta agensi kerajaan negeri tetap memainkan peranan dalam menyokong kesejahteraan komuniti pulau. Sebagai contoh, RMK-12 telah menyentuh pembangunan Pulau Kukup melalui inisiatif menaik taraf dan membaik pulih jeti utama serta jambatan Sungai Ular di Taman Negara Johor Pulau Kukup, bagi memastikan kemudahan pengangkutan yang lebih selamat untuk penduduk dan pelancong⁴⁸.

Dalam sektor pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berperanan sebagai agensi sokongan utama kepada komuniti pulau, sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Pelancongan Negara 2020–2030. Dasar ini menekankan pembangunan pelancongan berasaskan komuniti pelancongan pulau serta pelancongan pesisir pantai sebagai antara strategi utama bagi memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat dan memastikan kelestarian sumber⁴⁹. Selaras dengan hala tuju dasar tersebut, peruntukan kewangan turut disalurkan bagi menyokong pembangunan infrastruktur pelancongan di kawasan pulau dan pesisir. Sebagai contoh, peruntukan sebanyak RM29 juta telah diumumkan bagi negeri Terengganu untuk penambahbaikan infrastruktur pelancongan pesisir dan pulau, termasuk kerja-kerja menaik

⁴⁸ Buletin TV3, "Pengunjung boleh menikmati keindahan Pulau Kukup mulai 17 Mei." 2024, <https://www.buletintv3.my/nasional/pengunjung-boleh-menikmati-keindahan-pulau-kukup-mulai-17-mei/>

⁴⁹ Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, "Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030." 2019, <https://www.motac.gov.my/en/muat-turun/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030/>

taraf jeti yang kritikal bagi menyokong mobiliti penduduk serta pelancong⁵⁰.

Selain itu, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) turut memainkan peranan sokongan dalam merealisasikan inisiatif pembangunan kesejahteraan komuniti pulau-pulau kecil, khususnya melalui pendekatan pelancongan yang menekankan pemuliharaan alam sekitar serta kelestarian sumber. Peranan ini dapat dicerminkan melalui Dasar Kepelbagaian Biologi Negara 2022–2030 (*National Policy on Biological Diversity 2022–2030*), yang menggariskan sasaran pembangunan rangkaian ekopelancongan berasaskan komuniti di peringkat nasional. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh kerjasama serta perkongsian amalan terbaik antara pengurus tapak dan pengusaha pelancongan⁵¹, sekali gus membuka ruang kepada pemindahan pengetahuan dan peningkatan keupayaan komuniti dalam mengurus serta membangunkan pelancongan secara mampan.

Di samping usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti pulau di Malaysia. Antara contoh inisiatif tersebut adalah projek yang dilaksanakan oleh Reef Check Malaysia di Pulau

⁵⁰ BERNAMA, "Terengganu Terima RM29 Juta Baik Pulih Infrastruktur Pelancongan Pada 2025." Januari 01, 2026, <https://bernama.com/bm/news.php/am/sukan/news.php?id=2507899>

⁵¹ Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, "National Policy on Biological Diversity 2022-2030." 2021, [https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Kepelbagaian%20Biologi%20Kebangsaan%20\(DKBK\)%202022-2030.pdf](https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Kepelbagaian%20Biologi%20Kebangsaan%20(DKBK)%202022-2030.pdf)

Larapan, Sabah, melalui dana OCEAN Grant (*Ocean Community Empowerment and Nature Programme*). Projek ini memberi tumpuan kepada pemerkasaan komuniti setempat dalam pengurusan sumber marin secara lestari serta pembangunan pelancongan berasaskan komuniti⁵².

Tambahan itu, *Malaysia Island Innovation Challenge*, yang dilancarkan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) bertujuan mengenal pasti idea serta penyelesaian inovatif yang dicetuskan oleh komuniti pulau sendiri⁵³. Secara ringkasnya, melalui projek-projek ini, penduduk pulau dilatih sebagai penjaga (*steward*) kepada ekosistem marin masing-masing, termasuk penglibatan dalam aktiviti pemuliharaan terumbu karang serta pengurusan pelancongan berasaskan komuniti.

Secara keseluruhan, pelbagai usaha di peringkat nasional telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil dalam menyokong pembangunan serta kesejahteraan komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia. Walau bagaimanapun, di sebalik pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut, masih wujud cabaran dan kekangan yang

⁵² Reef Check Malaysia, "Interactive Map Bring Insight into Malaysia's Coral Reef Health." 2025. <https://reefcheck.org.my/reef-check-malaysia-receives-ocean-grant-to-empower-larapan-island-communities-in-marine-resource-management/>

⁵³ UNDP, "Cabaran Inovasi Untuk Pulau-Pulau di Malaysia." 2025. <https://www.undp.org/malaysia/news/malaysia-island-innovation-challenge-launched-cabaran-inovasi-untuk-pulau-pulau-di-malaysia-dilancarkan>

menjejaskan kesejahteraan hidup komuniti pulau. Sehubungan itu, bahagian seterusnya akan membincangkan secara lebih terperinci cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti berkenaan.

CABARAN INFRASTRUKTUR KETERSAMBUNGAN FIZIKAL DAN KESALINGHUBUNGAN DIGITAL

Infrastruktur ketersambunagn fizikal (darat, udara atau laut) dan merupakan tulang belakang dalam membantu perkembangan ekonomi tempatan kerana ia menghubungkan komuniti pulau dengan sumber pendapatan, peluang pekerjaan, pasaran serta akses kepada perkhidmatan asas⁵⁴. Sebagai contoh, sebelum Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai 'Pulau Bebas Cukai' pada tahun 1987, struktur ekonomi pulau tersebut kebanyakannya bergantung kepada sektor asas seperti pertanian dan perikanan, yang secara relatif mengehadkan peluang sosioekonomi penduduk. Namun, selepas pengisytiharian tersebut, Pulau Langkawi berkembang pesat sebagai destinasi pelancongan utama melalui penambahbaikan kemudahan pengangkutan seperti jaringan jalan raya, jeti dan lapangan terbang. Pembangunan ini telah memudahkan pergerakan keluar masuk penduduk dan merancakkan aktiviti ekonomi setempat⁵⁵.

Walau bagaimanapun, tidak semua pulau di Malaysia menikmati tahap pembangunan yang seragam. Sebahagian besar pulau-pulau kecil masih berdepan dengan kekurangan

⁵⁴ Kementerian Ekonomi, "Maklumat RMK13", 2025

⁵⁵ Johan et. al., 2011.

infrastruktur ketersambungan fizikal, khususnya bagi menyokong perhubungan harian penduduk. Di kebanyakan pulau kecil, pengangkutan air menggunakan bot kekal sebagai kaedah pengangkutan utama, terutamanya bagi pergerakan ke tanah besar untuk mendapatkan barangan keperluan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan peluang ekonomi. Ketiadaan perkhidmatan bot yang konsisten, selain kos operasi yang tinggi, sering menjadi kekangan utama kepada komuniti setempat.

Selain faktor kos dan ketersediaan pengangkutan, komuniti pulau kecil turut berhadapan dengan cabaran di luar kawalan manusia, khususnya ketidakstabilan cuaca dan iklim. Keadaan cuaca buruk seperti laut bergelora, hujan lebat, angin kencang dan musim monsun bukan sahaja menjejaskan keupayaan bot untuk beroperasi, malah turut meningkatkan risiko keselamatan perjalanan. Isu ini turut disokong oleh dapatan kualitatif daripada kerja lapangan APPGM-SDG, seperti yang dinyatakan oleh seorang informan daripada komuniti nelayan di Parlimen Kudat:

"...Kalau jalan laut kalau musim hujan, ombak kuat angin jadi bahaya juga lah...kadang-kadang ada yang tercicir nda (tidak) dapat pegi sekolah..." **Nelayan, Kg. Kandinga, Parlimen Kudat, Sabah (Pemetaan Isu Kudat, 2023, APPGM-SDG).**

Petikan ini menggambarkan bahawa kanak-kanak tidak dapat hadir ke sekolah ketika berlakunya angin kencang dan laut bergelora kerana risiko keselamatan yang tinggi untuk menaiki bot. Selain itu, dilaporkan bahawa satu kejadian

kemalangan telah berlaku pada tahun 2023 di Pulau Pababag, Semporna, apabila sebuah jeti roboh yang sehingga mengakibatkan seramai 25 murid sekolah rendah yang sedang dalam perjalanan ke sekolah terjatuh ke dalam laut⁵⁶. Kejadian tersebut membuktikan risiko keselamatan yang berpunca daripada kekurangan dan kelemahan infrastruktur ketersambungan yang sedia ada. Tanpa akses pengangkutan selamat dan boleh dipercayai, komuniti pulau-pulau kecil akan terus berdepan risiko untuk ketinggalan dari segi pembangunan pendidikan, kesihatan dan ekonomi.

CABARAN KEKURANGAN SUMBER EKONOMI ALTERNATIF

Sektor perikanan merupakan nadi utama ekonomi bagi kebanyakan komuniti di pulau-pulau kecil⁵⁷. Bagi ramai nelayan tradisional, laut bukan sahaja berfungsi sebagai sumber pendapatan dan bekalan makanan, malah turut melambangkan identiti serta kesinambungan kehidupan merentas generasi. Namun demikian, realiti semasa menunjukkan bahawa komuniti nelayan sering berhadapan dengan pelbagai halangan yang menjejaskan kestabilan sumber pendapatan mereka.

Berdasarkan data yang diperoleh melalui pemetaan isu oleh APPGM-SDG, antara cabaran utama yang dikenal pasti dalam kalangan nelayan pulau yang menjejaskan keupayaan mereka untuk menjalankan aktiviti perikanan adalah seperti berikut:

⁵⁶ Sinar Harian, "Sampai Bila Jeti Roboh Harus Berulang," Febuari, 2023

⁵⁷ United Nations, "About Small Island Developing States"

- a) Kesukaran mendapatkan lesen perikanan yang sah
- b) Pencerobohan oleh bot-bot nelayan asing
- c) Pencemaran laut
- d) Keterbatasan penggunaan teknologi
- e) Kos penangkapan ikan yang semakin meningkat

Akibat kekangan-kekangan ini, pendapatan komuniti nelayan menjadi tidak menentu dan sukar diramal. Ketidakstabilan tersebut mendedahkan komuniti pulau kepada kitaran kemiskinan yang berpanjangan, di mana mereka terus bergantung kepada sektor ekonomi yang kurang berkembang dan menghadapi kesukaran untuk keluar daripada garis kemiskinan.

Sehubungan itu, wujud keperluan yang mendesak untuk menyediakan dan menyokong pembangunan sumber pendapatan alternatif bagi komuniti pulau-pulau kecil. Dalam konteks ini, laut bukan sekadar ruang ekonomi, malah merupakan sebahagian daripada gaya hidup dan identiti komuniti setempat. Oleh yang demikian, sebarang usaha untuk memperkenalkan sumber pendapatan alternatif perlu dirancang secara berhati-hati agar selari dengan budaya dan kemahiran sedia ada.

KAJIAN KES: MEMAHAMI CABARAN DAN POTENSI KOMUNITI PULAU KECIL DI PULAU MANTANANI, KOTA BELUD, SABAH

Bahagian ini membincangkan suatu kajian kes keadaan kehidupan penduduk di Pulau Mantanani bagi memberikan gambaran empirikal kepada pembaca. Penyelidikan di Pulau Mantanani telah dilaksanakan pada Jun 2025 dengan

kerjasama antara APPGM-SDG dengan *Institute for Development Studies* (IDS), Sabah. Pendekatan kajian kemiskinan multidimensi telah digunakan melalui pengedaran soal selidik kepada 149 isi rumah yang melibatkan seramai 702 orang penduduk. Pendekatan ini bertujuan menghasilkan data eksploratori bagi meneliti pelbagai dimensi yang mempengaruhi kehidupan individu dan isi rumah. Dimensi-dimensi yang dikaji termasuklah pendidikan, kesihatan, taraf kehidupan, kewangan dan perlindungan sosial yang dianalisis merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, taraf kehidupan, kewangan dan perlindungan sosial, serta hubungan sosial.

Selain itu, perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran turut dijalankan bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam, sekali gus membantu mentafsir serta memperkukuh dapatan kuantitatif yang diperoleh melalui kajian kemiskinan multidimensi tersebut.

Hasil kajian melibatkan sebanyak 149 isi rumah yang merangkumi 702 orang penduduk daripada dua buah kampung, iaitu Kampung Padang dan Kampung Siring Bukit. Cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti pulau ini akan dihuraikan dalam perenggan seterusnya.

Latar Belakang Pulau Mantanani

Pulau Mantanani terletak di bawah Parlimen Kota Belud. Pulau ini berada di luar pesisir daerah Kota Belud, Sabah, dan terdiri daripada tiga pulau utama iaitu Mantanani Besar, Mantanani Kecil, dan Lungisan. Pulau ini didiami oleh komuniti tempatan yang majoritinya terdiri daripada etnik

Bajau Ubian⁵⁸, dengan sebahagian besar penduduk terlibat dalam sektor perikanan berskala kecil.

Pulau Mantanani telah diiktiraf sebagai pulau pelancongan oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui *Sabah Tourism*⁵⁹. Seperti yang dibincangkan dalam kes Pulau Langkawi, status sebagai pulau pelancongan lazimnya dijangka dapat meningkatkan taraf kehidupan penduduk setempat melalui limpahan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan penduduk di Pulau Mantanani masih berada pada tahap yang terhad, dan manfaat ekonomi daripada sektor pelancongan belum dinikmati secara menyeluruh oleh komuniti pulau.

Kekurangan Ketersambungan Fizikal dan Kesalinghubungan Digital

Salah satu isu utama yang dihadapi oleh komuniti Pulau Mantanani ialah kekurangan ketersambungan. Ketersambungan fizikal merujuk kepada jaringan infrastruktur seperti jalan raya, kereta api, jeti, bot, pelabuhan dan pengangkutan udara yang membolehkan pergerakan penduduk, barangan serta perkhidmatan⁶⁰. Dalam konteks Pulau Mantanani, ketersambungan fizikal merupakan elemen teras nadi kepada kesejahteraan hidup komuniti, memandangkan ia melibatkan pergerakan

⁵⁸ Kumalah, et al. "Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah." *Malaysian Journal of Society and Space*, 2015


⁵⁹ Sabah Tourism, "Mantanani Island." <https://sabahtourism.com/destination/mantanani-island/>.

⁶⁰ Pengertian Ketersambungan Fizikal adalah seperti yang tertera di RMK12 dan RMK13.

manusia, barangan dan penyampaian perkhidmatan keluar masuk pulau.

Walau bagaimanapun, pergerakan tersebut menjadi terhad akibat kekangan infrastruktur pengangkutan laut, khususnya dari segi ketersediaan bot serta tahap keselamatan perjalanan.

Rajah 3. Faktor-Faktor Kekurangan Akses kepada Khidmat Kesihatan di Pulau Mantanani



Sumber: Data Penyelidikan Kemiskinan Pelbagai Dimensi bersama IDS di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah pada Tahun 2025

Sebagai contoh, sebanyak 66 isi rumah melaporkan bahawa punca utama kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan adalah jarak yang jauh. Selain itu, seramai 58 isi rumah menyatakan keantiada kenderaan sebagai kekangan, manakala 40 isi rumah melaporkan kos pengangkutan yang tinggi sebagai faktor utama yang mengehadkan akses kepada rawatan kesihatan. Secara keseluruhannya, dapatan

ini menunjukkan bahawa cabaran pengangkutan merupakan faktor utama yang menjejaskan akses komuniti kepada perkhidmatan kesihatan.

Di samping itu, kos perubatan yang tinggi turut dilaporkan oleh 26 isi rumah, manakala keadaan cuaca buruk seperti ribut dan ombak kuat dikenal pasti sebagai kekangan oleh 23 isi rumah, khususnya pada musim tertentu apabila perjalanan laut menjadi berisiko. Sebaliknya, isu masa menunggu yang lama hanya dilaporkan oleh sembilan isi rumah, menunjukkan bahawa cabaran utama bukan berpunca daripada kecekapan sistem perkhidmatan kesihatan, tetapi lebih kepada keupayaan fizikal penduduk untuk sampai ke kemudahan kesihatan.

Bagi memahami konteks di Pulau Mantanani, keadaan ini berlaku kerana ketiadaan klinik atau hospital di pulau tersebut. Apabila ahli keluarga mengalami masalah kesihatan, penduduk terpaksa menanggung kos pengangkutan laut untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat di tanah besar, khususnya di Klinik Jawi-Jawi dan Klinik Desa Rampayan Laut. Berbeza dengan penduduk di tanah besar, pergerakan komuniti Pulau Mantanani untuk mendapatkan rawatan bukan sahaja melibatkan kos perubatan, malah turut merangkumi kos tersembunyi seperti kos ketersediaan bot (sama ada bot persendirian, bot jiran atau bot sewaan), kos pengangkutan darat seperti sewaan kenderaan atau perkhidmatan e-hailing (Grab, Maxim, teksi), serta kos penginapan sekiranya rawatan memerlukan tempoh tinggal yang lebih panjang.

Selain itu, tahap ketersediaan pengangkutan laut turut memberi kesan terhadap kehadiran ke sekolah dalam kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Mantanani. Berdasarkan perbincangan bersama Guru Besar sekolah tersebut, situasi ini sering berlaku apabila seisi keluarga terpaksa meninggalkan pulau untuk ke tanah besar, sekali gus menyebabkan anak-anak turut dibawa bersama dan tidak dapat hadir ke sekolah. Memandangkan kos yang tinggi dan tempoh perjalanan yang panjang, keluarga lazimnya mengambil masa beberapa hari, malah sehingga beberapa minggu, berada di luar Pulau Mantanani. Rentetan itu, pelajar terpaksa tidak hadir ke sekolah dalam tempoh yang berpanjangan, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka untuk mengikuti proses pembelajaran. Apabila kembali ke sekolah, pelajar sering berhadapan dengan kesukaran untuk mengejar silibus yang telah tertinggal, yang seterusnya berpotensi menjejaskan motivasi serta minat mereka untuk terus bersekolah. Dalam jangka panjang, keadaan ini berpotensi meningkatkan risiko keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar pulau-pulau kecil. Justeru, ketersambungan fizikal yang terhad akibat ketiadaan perkhidmatan bot yang kerap, berjadual dan mampu milik menyebabkan pergerakan keluar masuk pulau memerlukan perancangan rapi serta kos yang tinggi.

Menyentuh aspek pendidikan dengan lebih lanjut, kekangan infrastruktur pengangkutan laut turut menyebabkan pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Mantanani mempunyai pendedahan yang terhad kepada dunia luar. Perbincangan bersama pihak sekolah menekankan hasrat untuk membawa pelajar mengikuti program jangkauan dan pendedahan

(*outreach programmes*) di luar pulau. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini berdepan dengan kekangan serius dari segi ketersambungan infrastruktur, khususnya kos perjalanan keluar dari pulau yang tinggi, sekali gus menyukarkan penganjuran aktiviti yang penting bagi memperluaskan perspektif dan aspirasi pelajar.

Secara keseluruhannya, keterbatasan ketersambungan fizikal dan kos pengangkutan yang tinggi telah menjejaskan akses pelajar kepada pendidikan serta akses komuniti kepada perkhidmatan kesihatan asas. Oleh itu, penambahbaikan infrastruktur pengangkutan laut yang mampan dan mampu milik adalah amat penting bagi meningkatkan tahap kesejahteraan pendidikan dan kesihatan komuniti pulau.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan di Pulau Mantanani mendapati bahawa tahap akses internet di pulau ini masih tidak stabil. Isu kesalinghubungan digital ini menjadi semakin kritikal memandangkan dalam era digital semasa, capaian internet yang stabil bukan sahaja penting untuk tujuan komunikasi, tetapi berperanan sebagai medium utama bagi pendedahan komuniti kepada dunia luar. Walaupun faktor geografi Pulau Mantanani yang terpencil sememangnya telah menjadi cabaran tersendiri, keterbatasan akses digital yang berterusan telah memperluaskan lagi jurang peluang dalam bidang pendidikan, ekonomi serta pelancongan bagi komuniti setempat.

Di samping itu, kesalinghubungan digital merupakan prasyarat penting penting sekiranya Pulau Mantanani ingin

dibangunkan secara lebih mampan sebagai destinasi pelancongan. Komuniti memerlukan sambungan internet yang stabil untuk mempromosikan dan memasarkan produk pelancongan serta perniagaan tempatan. Tanpa sambungan yang konsisten dan boleh dipercayai, usaha pemasaran digital dan promosi pelancongan menjadi kurang berkesan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pelajar yang memerlukan akses internet yang stabil bagi menyokong proses pembelajaran dan pendedahan kepada sumber ilmu yang lebih luas.

Kesimpulannya, penambahbaikan tahap ketersambungan digital merupakan prasyarat utama bagi memastikan Pulau Mantanani dapat menikmati manfaat pembangunan pendidikan, ekonomi dan pelancongan secara inklusif. Langkah ini seterusnya akan menyokong pembangunan pulau yang lebih mampan.

Peluang Ekonomi yang Terhad

Dari segi pendapatan isi rumah, Laporan Survei Gaji dan Upah Negara menunjukkan bahawa gaji median bagi negeri Sabah adalah sebanyak RM2,236⁶¹. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lapangan di Pulau Mantanani menunjukkan bahawa majoriti isi rumah mencatatkan pendapatan bulanan dalam lingkungan RM1,500 hingga RM1,999. Hanya sebilangan kecil responden, iaitu sekitar 1.82%, melaporkan pendapatan isi rumah sebanyak RM3,000 ke atas.

⁶¹Department of Statistics Malaysia, "Laporan Survei dan Gaji Upah Malaysia.", 2025


Jadual 2. Taburan Umur Ahli Isi Rumah di Pulau Mantanani

KATEGORI UMUR (TAHUN)	BILANGAN
0-4	44
5-14	137
15-24	162
25-39	54
40-59	140
60 tahun ke atas	54
Tidak dinyatakan	11
Jumlah	702

Sumber: Data Penyelidikan Kemiskinan Pelbagai Dimensi di Pulau Mantanani bersama IDS pada tahun 2025

Pada masa yang sama, dapatan kajian lapangan menunjukkan bahawa majoriti isi rumah yang disurvei terdiri daripada penduduk dalam lingkungan umur 15 hingga 39 tahun, iaitu kumpulan umur bekerja yang produktif. Sehubungan itu, situasi ini menunjukkan bahawa walaupun tenaga kerja produktif tersedia di pulau ini, peluang ekonomi masih terhad. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar isi rumah mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berbanding gaji median negeri Sabah.

Rajah 4. Taburan Umur Ahli Isi Rumah di Pulau Mantanani



Sumber: Data Penyelidikan Kemiskinan Pelbagai Dimensi bersama IDS di Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah pada Tahun 2025

Meskipun terdapat beberapa pengusaha pelancongan yang terkenal, antaranya Sutera@Matanani dan JSK Pulau Mantanani, kehadiran pengusaha-pengusaha ini secara teorinya dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta meningkatkan taraf hidup komuniti. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti tempatan dalam rangkaian nilai sektor pelancongan masih terhad. Sebagai contoh, penyertaan komuniti tempatan dalam sektor resort kebanyakannya tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah seperti penyelenggaraan landskap, pembersihan pantai dan kerja-kerja sokongan. Sebaliknya,

jawatan pentadbiran dan pengurusan lazimnya diisi oleh tenaga kerja luar pulau.

Keadaan ini sebahagiannya berpunca daripada keutamaan pengusaha resort terhadap pekerja yang mempunyai keupayaan untuk mengurus operasi perniagaan secara berkesan, termasuk kemahiran pengurusan dan perakaunan⁶². Sehubungan itu, kecenderungan untuk mengambil pekerja tempatan di Pulau Mantanani masih terhad.

Oleh yang demikian, bagi mengekalkan sumber mata pencarian, komuniti Pulau Mantanani masih bergantung kepada aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan utama. Kekurangan sumber pendapatan alternatif atau kepelbagaian ekonomi menjadikan komuniti ini terdedah kepada risiko ekonomi, terutamanya apabila berlaku kegagalan tangkapan atau keadaan laut yang tidak mengizinkan. Situasi ini menegaskan keperluan kepada pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan pelbagai, agar komuniti pulau Mantanani dapat mengurangkan tahap kerentanan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan isi rumah secara berterusan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian kes Pulau Mantanani mencerminkan realiti yang dihadapi oleh kebanyakan pulau-pulau kecil di Malaysia. Isu ketersambungan fizikal dan

⁶² United Nations Office for Project Services. "Infrastructure for Small Island Developing States." (2020).

kesalinghubungan digital kekal sebagai cabaran utama yang secara langsung menjejaskan akses komuniti kepada perkhidmatan asas. Di samping itu, walaupun terdapat pelaburan dalam sektor pelancongan di Pulau Mantanani, manfaat ekonomi yang terhasil masih belum dinikmati secara menyeluruh oleh komuniti tempatan.

CADANGAN LAPORAN DASAR BAGI PENAMBAIKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI PULAU-PULAU KECIL DI MALAYSIA

Berdasarkan dapatan penyelidikan APPGM-SDG serta sesi perbincangan meja bulat bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan, jelas bahawa cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti pulau-pulau kecil merangkumi aspek ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital, di samping kekurangan sumber ekonomi alternatif.

Sehubungan itu, bahagian ini mengemukakan tiga cadangan dasar bagi menangani jurang pembangunan dan peluang ekonomi yang wujud. Cadangan-cadangan ini bertumpukan kepada tiga keutamaan utama, iaitu: (1) pembangunan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital, (2) pelaksanaan pelancongan berasaskan komuniti dan (3) mewujudkan platform perbincangan nasional.

Cadangan 1: Pembangunan Ketersambungan Fizikal dan Kesalinghubungan Digital

Cadangan pertama adalah untuk pertimbangan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Ekonomi agar memperluaskan peruntukan belanjawan serta insentif bagi

penyediaan dan penambahbaikan ketersambungan fizikal laut secara menyeluruh untuk pulau-pulau kecil di Malaysia. Sebagai perbandingan, tujuh pulau di Malaysia iaitu Pulau Labuan, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Pulau Redang telah menikmati subsidi diesel bagi perkhidmatan feri dan bot penumpang. Insentif ini terbukti membantu mengurangkan kos mobiliti penduduk serta merancakkan sektor pelancongan tempatan⁶³. Oleh itu, adalah wajar untuk kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan model subsidi atau insentif yang serupa bagi pulau-pulau kecil lain di Malaysia, agar ketersambungan fizikal dan keseimbangan pembangunan dapat dicapai secara inklusif.

Seiring dengan itu, usaha penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur asas seperti jeti yang selamat dan tahan cuaca perlu dipergiatkan, memandangkan jeti berfungsi sebagai titik pendaratan dan pelepasan utama bagi komuniti pulau. Walaupun penyediaan bot tambahan atau pemberian subsidi bahan api adalah penting untuk meningkatkan mobiliti komuniti, kewujudan jeti yang selamat merupakan prasyarat asas kepada sistem pengangkutan untuk pulau-pulau kecil. Jeti yang selamat bukan sahaja memudahkan pergerakan harian penduduk, malah ia dapat mengurangkan risiko keselamatan semasa proses naik dan turun bot, khususnya bagi golongan berkeperluan seperti pelajar

⁶³ Adnan, "Kerajaan beri subsidi diesel kepada pengusaha feri, bot penumpang dan roro", 2024. <https://www.sinarharian.com.my/article/703193/berita/nasional/kerajaan-beri-subsididiesel-kepada-pengusaha-feri-bot-penumpang-dan-ro-ro>.

sekolah, wanita hamil, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas.

Dalam masa yang sama, penyediaan perkhidmatan bot awam yang konsisten dan mampu milik adalah amat penting bagi komuniti di pulau-pulau kecil, memandangkan pengangkutan laut merupakan kaedah perhubungan utama. Langkah ini berupaya mengurangkan kebergantungan penduduk kepada bot persendirian atau bot sewaan yang melibatkan kos yang tinggi. Sebagai contoh, di Pulau Mantanani, ketiadaan perkhidmatan bot awam yang berjadual dan konsisten telah memaksa penduduk bergantung kepada ihsan penduduk kampung lain atau perkhidmatan sewaan. Keadaan ini menyebabkan penduduk Pulau Mantanani terpaksa menanggung kos yang tinggi setiap kali perlu keluar dari pulau.

Dari segi keperluan infrastruktur kesalinghubungan digital pula, Kementerian Komunikasi dilihat semakin giat melaksanakan inisiatif yang merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar. Antara adalah pelaksanaan projek Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang telah diperluaskan ke pulau terpencil seperti Pulau Banggi, dengan penyediaan hab komuniti digital sehenti yang menawarkan akses internet, latihan kemahiran digital serta perkhidmatan maklumat kepada penduduk pulau⁶⁴. Selain itu, kerajaan turut melaksanakan Projek Stingray II di Pulau Ketam melalui pemasangan kabel gentian

⁶⁴BERNAMA, "MCMC's Digital NADI Inclusive Project." July 2025, <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2442400>

optik dasar laut sepanjang 46.4km bagi meningkatkan tahap ketersambungan internet⁶⁵. Sehubungan itu, inisiatif seumpaman ini wajar diperluaskan ke pulau-pulau kecil lain di Malaysia. Manfaat kepada komuniti pulau termasuk peningkatan akses internet, penambahbaikan kemahiran digital dan pendidikan, serta peluasan kaedah pemasaran dan promosi pelancongan.

Kesimpulannya, penambahbaikan ketersambungan fizikal laut merupakan keperluan asas bagi komuniti pulau-pulau kecil untuk memperluas akses kepada perkhidmatan asas. Pada masa yang sama, pengukuhan kesalinghubungan digital adalah kritikal untuk merapatkan jurang digital yang dihadapi oleh komuniti pulau, dan inisiatif digital kerajaan wajar diperluaskan ke semua pulau terpencil demi kesejahteraan hidup.

Cadangan 2: Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti

Ketiadaan sumber ekonomi alternatif yang mampan menyebabkan komuniti pulau-pulau kecil terus bergantung kepada sektor perikanan sebagai sumber pendapatan utama, sekali gus menyukarkan mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan, terutamanya apabila berhadapan dengan ketidakpastian hasil tangkapan dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Limbungan industri pelancongan yang tidak menyeluruh telah mengehadkan manfaat ekonomi kepada komuniti pulau kecil. Justeru, inisiatif nasional yang memberi penekanan kepada

⁶⁵ BERNAMA, 2025

pelancongan berasaskan kelestarian perlu diperkukuh sebagai alternatif ekonomi yang lebih relevan dan inklusif untuk komuniti pulau-pulau kecil.

Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 menekankan pendekatan berasaskan komuniti sebagai salah satu teras utama ke arah pelancongan lestari. Dasar ini menggariskan bahawa penglibatan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan bukan sahaja penting bagi memastikan pemuliharaan sumber semula jadi, malah berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap sumber yang dimanfaatkan⁶⁶. Salah satu pendekatan utama dalam dasar yang diketengahkan ialah Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community-Based Tourism, CBT*), iaitu model pembangunan pelancongan yang digerakkan oleh komuniti tempatan melalui penglibatan langsung dalam perancangan, pelaksanaan serta perkongsian manfaat ekonomi.

Sehubungan itu, adalah disyorkan agar kerajaan memperluas pelaksanaan inisiatif CBT di pulau-pulau kecil sebagai strategi ekonomi alternatif yang mampan dan selari dengan identiti setempat. Malah, salah satu daripada enam strategi transformasi di bawah Dasar Ekopelancongan Negara 2020–2030 ialah pemeraksanaan modal insan (*human capital upskilling*), yang menekankan pembangunan kapasiti komuniti, khususnya golongan belia, agar mereka dapat

⁶⁶ Ministry of Tourism, Arts and Culture, "Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 - 2030: Ke Arah Pengukuhan Industri Pelancongan Negara." 2020. <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030-ke-arrah-pengukuhan-industri-pelancongan-negara>.

menyertai sektor pelancongan melalui penguasaan kemahiran baharu seperti pengurusan pelancongan, komunikasi digital dan pemasaran produk tempatan.

Antara strategi pelaksanaan yang disyorkan melalui perbincangan meja bulat adalah seperti berikut:

- Pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berfokus kepada pelancongan lestari, hospitaliti, pembuatan bot, serta pemulihan alam sekitar di kawasan pulau-pulau kecil. Program ini berpotensi melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja luar.
- Pengwujudan geran khas bagi usahawan pulau-pulau kecil di bawah Kemeterian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan tempatan, termasuk kraftangan, agropelancongan, produk makanan laut tempatan serta inovasi produk pelancongan berasaskan sumber pulau.
- Penubuhan koperasi pelancongan komuniti yang berfungsi mengurus dan menyelaras aktiviti pelancongan seperti program homestay atau *kampung stay*, agar manfaat ekonomi dapat diagihkan secara lebih saksama dalam kalangan penduduk setempat.
- Penyediaan latihan keusahawanan asas meliputi pengurusan *homestay*, kraf tangan, pengurusan bot pelancong, pengendalian makanan tempatan dan perkhidmatan pelancongan lain.

- Galakan dan sokongan terhadap proses pensijilan *homestay* melalui penyediaan bimbingan dan pemudah cara oleh MOTAC serta agensi pelancongan negeri.

Dalam sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) yang diadakan pada bulan Ogos 2025, wakil MOTAC dan Ahli Parlimen turut menekankan bahawa pelaksanaan program *homestay* atau *kampung stay* di pulau-pulau kecil sering berdepan dengan kekangan status tanah, khususnya keperluan menukar kategori tanah kepada kegunaan komersial sebelum lesen pelancongan dapat dikeluarkan. Bagi mengatasi isu ini, dicadangkan agar kerajaan memperkenalkan mekanisme pemudah cara antara pihak berkuasa tempatan. Kerjasama yang lebih erat antara MOTAC dan Pejabat Tanah dan Daerah perlu diperkukuh bagi mempercepatkan proses permohonan, di samping mempertimbangkan pewujudan zon khas pelancongan komuniti yang membolehkan pelaksanaan CBT tanpa memerlukan penukaran keseluruhan status tanah.

Kesimpulannya, pelaksanaan strategi-strategi ini bukan sahaja menyokong aspirasi Dasar Ekopelancongan Negara 2020–2030 yang menyasarkan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan utama dunia, malah turut memperkukuh agenda pembangunan yang inklusif dan lestari di pulau-pulau kecil.

Cadangan 3: Mewujudkan Platform Perbincangan Nasional Mengenai Keperluan Unik Pulau-Pulau Kecil

Bagi menangani cabaran unik yang dihadapi oleh komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia, adalah wajar untuk kerajaan mempertimbangkan penubuhan platform satu perbincangan nasional atau Kumpulan Kerja Tematik (*Thematic Working Group*) yang khusus menangani isu-isu berkaitan pulau kecil. Platform ini boleh dilaksanakan di peringkat nasional dan merangkumi penglibatan wakil kementerian berkaitan seperti Kementerian Komunikasi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kesihatan, di samping agensi kerajaan, ketua kampung setempat, penyelidik akademik serta organisasi masyarakat sivil.

Pendekatan ini selari dengan inspirasi penubuhan kerangka SIDS pada 1994, yang menyediakan ruang khusus bagi perbincangan mengenai cabaran serta peluang unik yang dihadapi oleh pulau-pulau kecil. Pendekatan sedemikian berpotensi merapatkan jurang pembangunan antara pulau-pulau kecil, di samping menyokong penyelarasan dasar yang lebih tersusun dan bersepadu.

Cadangan ini turut diketengahkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam sesi perbincangan meja bulat, khususnya keperluan untuk menggubal Dasar Nasional Pembangunan Pulau-Pulau Kecil Malaysia atau, sebagai alternatif, mewujudkan platform atau forum di peringkat nasional yang menghimpunkan pemegang taruh utama komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia.

KESIMPULAN DAN HALATUJU KE HADAPAN

Secara keseluruhannya, laporan dasar ini menegaskan bahawa komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia berdepan dengan cabaran utama yang merangkumi keterbatasan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital, serta kekurangan sumber ekonomi alternatif yang mampan. Walaupun pelbagai dasar dan inisiatif kerajaan telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui pelbagai kementerian bagi merapatkan jurang pembangunan komuniti pulau-pulau kecil, manfaat pelaksanaannya masih belum dinikmati secara menyeluruh oleh semua pulau di Malaysia.

Sehubungan itu, cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini menekankan keperluan untuk **menambah baik ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital** bagi memudahkan mobiliti penduduk, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas, pendidikan serta peluang ekonomi. Selain itu, galakan terhadap pelaksanaan **pelancongan berasaskan komuniti (CBT)** bertujuan memperkukuh penyertaan penduduk tempatan dalam rantai nilai pelancongan, sekali gus meningkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan isi rumah. Cadangan terakhir adalah **penubuhan platform perbincangan nasional atau kumpulan kerja tematik** bagi menyatukan pelbagai pihak berkepentingan, membolehkan perbincangan isu komuniti pulau kecil dilaksanakan secara holistik, merangka dasar yang lebih tersusun serta memastikan pembangunan dan peluang ekonomi dapat dinikmati secara inklusif oleh komuniti pulau-pulau kecil di seluruh Malaysia.

Akhir kata, diharapkan laporan dasar ini dapat dijadikan rujukan utama dan diangkat ke peringkat penggubalan dasar nasional dalam usaha menangani jurang pembangunan antara pulau-pulau kecil dan kawasan tanah besar. Usaha ini juga adalah selari dengan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 1, SDG 8, SDG 9 dan SDG 17.

BIBLIOGRAFI

Ab Latif, Faridatul Akma, Salina Mohamed Ali, Masbiha Mat Isa, and Ili Najwa Mohd Zain. 2023. "Revealing the Distinctiveness Character of Pulau Suri Floating Market." *Malaysian Journal of Sustainable Environment* 10 (2): 1-20. doi:10.24191/myse.v10i2.23612.

Abdul Razak, M A, M R Rosnon, M L Jalaludin, M F Razali, and M N Dahamat Azam. 2025. "Exploring the Subjective Financial Well-Being of Indigenous People Communities in Malaysia." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*.

Adnan, Tuan Buqairah Tuan Muhamad. 2024. *Kerajaan beri subsidi diesel kepada pengusaha feri, bot penumpang dan roro*. 20 Disember .
<https://www.sinarharian.com.my/article/703193/berita/nasional/kerajaan-beri-subsididiesel-kepada-pengusaha-feri-bot-penumpang-dan-ro-ro>.

Adnan, Wan Azrain. 2024. *Rakyat Labuan berhak nikmati kesejahteraan hidup lebih selesa, serta pendapatan bermaruah*. Mac. Accessed 31 Disember, 2025.
<https://sabahmedia.com/2024/03/31/rakyat-labuan->

berhak-nikmati-kesejahteraan-hidup-lebih-selesa-
serta-pendapatan-bermaruah/.

Aingaran, Raveen. 2023. *Pulau Ketam: Small in size, big in draw*. 13 Disember . <https://thesun.my/malaysia-news/pulau-ketam-small-in-size-big-in-draw-EO11863124>.

Aloy, J J, M P Yusoh, Z Zakaria, A J Marjun, and N Osin. 2024. "Cabaran pembangunan Inap Desa di Pulau Banggi: Satu analisis observasi." *Quantum journal of social sciences and humanities* 1-18.

APPGM-SDG. 2021. "Issue Mapping Report Tumpat 2021."

Bebit, Mohammad Puad, Normah Awang Besar Rafee, Salmie Jemon, and Trihanawati Supriyono. 2022. "Pencirian Earthenware Pulau Selakan Dalam Penghasilan Produk Lapohan." *Kupas Seni* 10: 104-115. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.sp.11.2022>.

Berita RTM. 2023. *Labuan kekal sebagai pulau bebas cukai*. 27 Jun . <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/labuan-kekal-sebagai-pulau-bebas-cukai>.

BERNAMA. 2025. *Kos Operasi Faktor Utama Tambang Bot ke Pulau Aur Lebih Tinggi* . 10 10. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2476888>.

—. 2025. *MCMC's NADI Digital Inclusive Project Crowned as Winner in WSIS 2025*. 07 Julai. Accessed 31 Disember , 2025. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2442400>.

- , 2024. *Pulau Aman dijadikan Kampung Angkat Madani JPA Dengan Peruntukan RM2.5 Juta* . 6 Mei. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2294549>.

- , 2019. *Pulau Banggi berpotensi jadi pengeluar pertanian, perikanan*. 22 Mac. Accessed 10 October, 2025. <https://www.sinarharian.com.my/article/19508/edisi/sabahsarawak/pulau-banggi-berpotensi-jadi-pengeluar-pertanian-perikanan>.

- , 2026. *Terengganu Terima RM29 Juta Baik Pulih Infrastruktur Pelancongan Pada 2025*. 01 Januari . Accessed 04 Januari , 2026. <https://bernama.com/bm/news.php/am/sukan/news.php?id=2507899>.

- Buletin TV3. 2025. *Pengunjung boleh menikmati keindahan Pulau Kukup mulai 17 Mei*. 12 Mei. <https://www.buletintv3.my/tag/pengunjung-boleh-nikmati-keindahan-pulau-kukup-mulai-17-mei/>.

- Colado , H Fonseca, M Vergilio, A Costa, F Moniz, A Gil, and J A Dias. 2014. "Small Islands Conervation and Protected Areas." *Intergrada-Journal of Integrated Coastal Zone Management* 167-174.

- Department of Statistics Malaysia. 2025. *Laporan Survei Gaji dan Upah Malaysia 2024*. Putrajaya: Ministry of Economy.

- , 2023. *OpenDOSM*. 30 Aug. Accessed March, 2025. <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.071%20Gopeng>.

DOSM . 2025. *KawasanKu P.004 Langkawi*. 25 October .
<https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Ke-dah/parlimen/P.004%20Langkawi>.

Gang, Getrude C Ah. 2019. "The effect of general sense of perceived self-efficacy on internal and external locus of control among rural youths of Mantanani island." In *Mantanani Island*, by Mohd Harun Abdullah, Ismail Ali, Zulherry Isnain and Collin G Joseph, 26-42. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Geraldine, Avila. 2019. *The island everyone forgot: Kg Pulau Berhala aches for development*. 1 May.
<https://www.nst.com.my/news/nation/2019/05/484720/island-everyone-forgot-kg-pulau-berhala-aches-development>.

Giampiccoli, Andrea, Oliver Mtapuri, and Anna Dłużewska. 2021. "Sustainable tourism and community-based tourism in small islands: A policy analysis." *Forum Geografic* 20 (1): 92.

Hisham, Hidayath. 2025. *mySalam extends outreach to Pulau Bum Bum with health, welfare and literacy carnival*. 9 Julai. Accessed 2 Julai, 2025.
<https://themalaysianreserve.com/2025/07/04/mysalam-extends-outreach-to-pulau-bum-bum-with-health-welfare-and-literacy-carnival/>.

Ibrahim, Johan Afendi, and Mohamad Zaki Ahmad. 2011. "Pelancongan Langkawi 1987 - 2010: Pencapaian dan Cabaran Masa." *Prosiding PERKEM* 602-613.

Iskul. 2015. *Education for the Stateless Children* .
<https://iskul.my/>.

- Jackson, Leonard A. 2025. "Community-Based Tourism: A Catalyst for Achieving the United Nations Sustainable Development Goals One and Eight." *Tourism and Hospitality* 6 (1): 29. <https://doi.org/10.3390/tourhosp6010029>.
- Kanyo, Nor Ino, and Ahmad Tarmizi Abdul Rahman. 2016. "Pengalaman Terhadap Perlakuan Jenayah dan Keselamatan Pekerja Perusahaan Rumpai Laut di Semporna, Sabah: Satu Penemuan." *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa* 179-201.
- Kanyo, Nor-Ina, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teauku Afrizal Teauku Anuar, Norhuda Salleh, and Rosdiana Betare. 2021. "Cadangan pemerkasaan kemudahan jeti awam Pulau Gaya sebagai destinasi pelancongan pulau dalam bandar: Satu penemuan." *1st International Conference on Entrepreneurship, Business, Tourism and Hospitality (ICEBTH 2021)*. Kota Bahru, Kelantan: Academic Inspired Network. 14-23.
- Karim, Khofizhoah Mohd, Zuraida Mohamad Nizar, Sezali Md Darit, and Mohd Fo'ad Sakdan. 2019. "Impak Pembangunan Terhadap Masyarakat di Pantai Chenang, Pulau Langkawi." *Sains Humanika* 11.
- Kementerian Ekonomi. 2020. "Maklumat RMK12." *Kementerian Ekonomi*. <https://rmke12.ekonomi.gov.my/bm>.
- . 2025. "Maklumat RMK13." *Kementerian Ekonomi*. <https://rmk13.ekonomi.gov.my/>.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. 2016. "Dasar Ekopelancongan Negara 2016–2025."

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya . 2019. "Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 – 2030." *MOTAC*. <https://www.motac.gov.my/en/muat-turun/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030/>.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam . 2021. "National Policy on Biological Diversity 2022-2030." [https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Kepelbagaiaan%20Biologi%20Kebangsaan%20\(DKBK\)%202022-2030.pdf](https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Kepelbagaiaan%20Biologi%20Kebangsaan%20(DKBK)%202022-2030.pdf).

Kumalah, Mohd Jirey, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Husin, Teuku Afrizal, and Mustapa Abu Talip. 2015. "Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah." *Malaysian Journal of Society and Space* 112-128.

Lembaga Pembangunan Langkawi. 2024. *Langkawi Tourism Gathering* 2024. 10 Januari. <https://www.lada.gov.my/langkawi-tourism-gathering-2024-2/>.

Majid, Irwan. 2019. *Syurga orang terpinggir di Pulau Berhala, Sandakan*. 17 Mei . <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/g/155147>.

Majlis Daerah Mersing. n.d. *Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil*. <http://mdmersing.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/pulau-tinggi>.

- Majlis Keselamatan Negara. 2022. *Pulau Pulau Kedaulatan Malaysia*. 11 Januari .
<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/01/11/pulau-pulau-kedaulatan-malaysia/#:~:text=Menurut%20Jabatan%20Ukur%20dan,ridge%2C%20sandbanks%2C%20atau%20batu.&text=Mendokong%20penuh%20aspirasi%20Dasar%20Keselamatan,sekitar%20perairan%20dan%20sempa dan%20negara>.
- Malaysia Gazette. 2017. *Labuan jadi tumpuan pelancong*. 16 Oktober .
<https://malaysiagazette.com/2017/10/16/labuan-jadi-tumpuan-pelancong/>.
- Marzuki, Azizan. 2011. "Resident Attitudes Towards Impacts from Tourism Development in Langkawi Islands, Malaysia." *Journal of World Applied Sciences (Special Issue of Tourism and Hospitality)* (IDOSI Publications) 25-34.
- Ministry of Tourism, Arts and Culture . 2020. *Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 - 2030: Ke Arah Pengukuhan Industri Pelancongan Negara*. 23 Disember.
<https://www.motac.gov.my/media2/siaran/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030-ke-arrah-pengukuhan-industri-pelancongan-negara>.
- Mohamad, Nur Izzati. 2024. *Kampung Angkat MADANI JPA tingkat ekonomi Pulau Aman*. 10 Disember .
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335019/kampung-angkat-madani-jpa-tingkat-ekonomi-pulau-aman>.

National Water Research Institute of Malaysia (NAHRIM). 2020. *Impact of Sea Level Rise due to Climate Change*. Government Report, Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.

Omar, Mustaffa, Marsitah Mohd Radzi, Mohd Nasir Selamat, Azima Abdul Manaf, Mohd. Shamsudin, and Nor Jana Saim. 2011. "Faktor Penentu dan Implikasi Fenomena Depopulasi Komuniti." *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1: 22-34. <https://journalarticle.ukm.my/2543/1/3.pdf>.

Reef Check Malaysia. 2025. *Interactive Map Bring Insight into Malaysia's Coral Reef Health*. 7 February . <https://reefcheck.org.my/reef-check-malaysia-receives-ocean-grant-to-empower-larapan-island-communities-in-marine-resource-management/>.

Sabah Tourism . n.d. *Mantanani Island*. <https://sabahtourism.com/destination/mantanani-island/>.

Sabah Tourism. n.d. *Signature Destinations*. Accessed 10 January, 2026. <https://sabahtourism.com/places-to-go/>.

SAM Planners. n.d. *Pulau Indah Industrial Park (PIIP)*. <https://www.samplanners.my/pulau-indah-industrial-park/>.

Sinar Harian. 2023. *Sampai bila insiden jeti roboh harus berulang*. 01 Februari. <https://www.sinarharian.com.my/article/243160/suar-a-sinar/lidah-pengarang/sampai-bila-insiden-jeti-roboh-harus-berulang>.

Sokial, Sandra. 2025. *Sabah leads the way with community-based tourism expo, says state minister*. 28 Jun. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/28/sabah-leads-the-way-with-community-based-tourism-expo-says-state-minister>.

Szere day, Sebastian, Sue Yee Chen, Kok Lynn Chew, Li Keat Lee, Putri Asma Yusop, Adzmin Fatta, Calvin Jenneh Legada, Mohd Shahir Bin Yaman, Nurul Badriah Fitri Binti Zainudin, and Alvin Chelliah. 2024. "The 4th Global Coral Bleaching Event in Malaysia: Insights, Outcomes, and Paths Forward." Coralku Solutions & Reef Check Malaysia.

The Star. 2023. *Tourism Malaysia to promote our many idyllic beaches*. 7 December . Accessed 10, 2025. Tourism Malaysia to promote our many idyllic beaches.

Tourism Malaysia. 2025. *Tourism Malaysia Showcases Nation's Tourism Strenght At ITB China 2025*. 27 Mat. Accessed 2025. <https://www.tourism.gov.my/media/view/tourism-malaysia-showcases-nation-s-tourism-strength-at-itb-china-2025#:~:text=Thus%2C%20the%20target%20for%20international,billion%20generated%20from%20visitor s%20expenditure>.

UNDP . 2024. *Cabaran Inovasi Untuk Pulau-Pulau di Malaysia* . 1 August . <https://www.undp.org/malaysia/news/malaysia-island-innovation-challenge-launched-cabaran-inovasi-untuk-pulau-pulau-di-malaysia-dilancarkan>.

UNESCO. n.d. *Living Heritage and Indigenous Peoples*.
<https://ich.unesco.org/en/indigenous-peoples>.

United Nations. n.d. *About Small Island Developing States* .
Accessed 26 Desember, 2025.
<https://www.un.org/ohrlls/content/about-small-island-developing-states>.

United Nations Office for Project Services. 2020.
Infrastructure for Small Island Developing States: The role of infrastructure in enabling sustainable, resilient, and inclusive development in SIDS. Copenhagen: UNOPS, 11. Accessed 30 Desember, 2025.

United Nations. n.d. *Universal Declaration of Human Rights*.
<https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights>.

Utusan Malaysia. 2026. *1,699 hektar tanah Pulau Carey dikenal pasti bangun pelabuhan ketiga*. 6 Januari.
<https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/1699-hektar-tanah-pulau-carey-dikenal-pasti-bangun-pelabuhan-ketiga/>.

World Bank. 2024. *Empowering Small Island Developing States: Scaling Up Renewable Energy for Resilient Economic Growth*. Washington: World Bank.

World Islands. 2023. *Pababag*. 30 December. Accessed 11 October, 2025. https://world-islands.net/details/pababag/#google_vignette.

—. 2023. *Pulau Timbun Mata*. December . Accessed 11 July, 2025. <https://world-islands.net/details/timbun-mata/>.

Yahya, Ibrahim. 2007. "homestay pulau tidak mamput bersaing dengan pelabur luar di pulau redang." *Akademika* 57-76.

Yahya, Ibrahim. 2004. "Komuniti Pulau Tioman: Isu dan Cabaran." 22-37.

Kertas dasar ini membincangkan langkah-langkah strategik bagi menjamin kesejahteraan hidup komuniti pulau-pulau kecil di Malaysia. Walaupun terdapat 344 buah pulau berpenghuni, kesejahteraan komuniti pulau masih kurang diberi penekanan dalam dasar nasional dan tidak dinyatakan secara khusus sebagai kumpulan sasaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Keadaan ini menyumbang kepada jurang pembangunan antara pulau dan tanah besar, sekali gus menjejaskan kesejahteraan penduduk pulau. Berdasarkan pemetaan isu oleh APPGM-SDG dari tahun 2020 hingga 2025 di 21 pulau kecil serta kajian kes kemiskinan pelbagai dimensi di Pulau Mantanani, laporan ini mendapati kewujudan kemiskinan pelbagai dimensi yang berkait rapat dengan Matlamat Pembangunan Mampan SDG 1 (Pembasmian Kemiskinan), SDG 8 (Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi), dan SDG 9 (Infrastruktur dan Inovasi). Sehubungan itu, kertas dasar ini mengemukakan tiga cadangan utama iaitu pembangunan ketersambungan fizikal dan kesalinghubungan digital, pelaksanaan model pelancongan berasaskan komuniti, serta penubuhan platform perbincangan nasional berteraskan perkongsian pelbagai pihak selaras dengan SDG 17.



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari



A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.



secretariat@appgm-sdg.com



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

ISBN 978-629-7752-35-8



9 786297 752358